

UPPM Paginatan aktif dekati rakyat di peringkat akar-umbi

Muka B2

Muka B5

Merdeka bukan sekadar laungan:
Musbah



Tanjung Kubong tetap jadi lokasi kembara alam

Oleh HENRY BATING

SIRI 2


SIRI pertama artikel ini yang tersiar kelmarin telah memaparkan keistimewaan Tanjung Kubong sebagai lokasi kunjungan para pencinta kembara alam di Labuan.

Azizan Had, Pensyarah Falsafah di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) selepas mengunjungi pusat rekreasi belantara itu menyifatkan tempat berkenaan berpotensi besar menjadi destinasi pelancongan.

Bagaimanapun, beliau sependapat dengan ramai pengunjung lain yang menyatakan tempat itu belum dibangunkan sepenuhnya, belum terjaga dan agak terbiar. Berikut dipaparkan pandangannya mengenai Tanjung Kubong yang terletak kira-kira 12km dari Terminal Feri Antarabangsa Labuan.

Dalam aspek persekitaran, Tanjung Kubong agak luas dan sesuai sebagai kawasan taman rekreasi. Di tempat ini ada kawasan berbukit dan kawasan tanah lapang. Akan tetapi, masih banyak usaha perlu dilakukan agar lokasi ini lebih terjaga dan tidak kelihatan terbiar.

Dalam aspek keselamatan, terdapat tebing yang curam lagi tinggi. Kami percaya pihak pengurusan Tanjung



LALUAN masuk Tanjung Kubong memerlukan jalan yang terselenggara.



LALUAN ke lokasi melihat matahari terbit perlu mempunyai lampu jalan untuk pengunjung datang seawal pagi.



MESKIPUN agak terbiar, Tanjung Kubong tetap di hati pengunjung.



LERENG cerun perlu dibina pagar dan tanda keselamatan.

Kubong memiliki perancangan mendirikan pagar di kawasan tinggi, di samping meletak tanda keselamatan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku kepada pengunjung.

Bagi pengunjung pertama dan kurang berhati-hati, mereka mudah terdedah bahaya seperti tergelincir dan jatuh ke jurang. Ketika ini, hanya tali plastik berbelang merah putih diletakkan. Pada tempat itu sebaiknya berpagar.

Pencinta sejarah sudah pasti tidak merasa rugi mengunjungi Tanjung Kubong. Di tempat ini wujud warisan sejarah Gedung Ubat, bekas logistik perang Jepun, jeti British

'Raffles Anchorage' dan kubur lama British. Semua warisan sejarah ini kurang terjaga dan perlu dipulihara.

Jeti lama tidak lagi kelihatan di lokasi yang dimaksudkan. Hanya kelihatan papan tanda yang menyatakan di situ tempatnya jeti yang dinamakan 'Raffles Anchorage'. Lokasi sebenar jeti itu di pantai dan tebing perairan perlu ditandakan agar pengunjung memperoleh pengetahuan secara nyata.

Meskipun Tanjung Kubong agak terbiar dan kelihatan kurang terjaga, namun ramai

pengunjung kelihatan beriadah di tempat itu. Pada waktu petang, khususnya di hujung minggu, kumpulan penunggang basikal dan motosikal kelihatan beraksi lasak di tempat itu.

Paling penting ialah jalan masuk ke Tanjung Kubong. Jalan masuk ke tempat itu perlu diperindahkan agar kelihatan lebih mesra pengunjung. Biar pengunjung merasa dialu-alukan memasuki kawasan rekreasi itu.

Pada masa ini, jalan masuk ke tempat itu masih berupa laluan ala kadar. Permukaan laluan beralun, berombak dan berlubang. Apabila hujan, laluan itu pasti berlumpur dan menyukarkan perjalanan pengunjung untuk beriadah.

Tanjung Kubong mampu menjadi destinasi popular dan membanggakan warga Labuan kiranya


memiliki kemudahan yang terselenggara di laluan masuk. Laluan yang baik perlu diperbaiki sehingga sesuai dilalui pejalan kaki dan juga kenderaan kecil.

Seperkara lagi, keindahan di lokasi melihat matahari terbit tidak dapat disangkal lagi. Namun untuk mengunjungi tempat itu bagi melihat matahari terbit, pengunjung perlu berada di lokasi seawal pagi.

Dalam keadaan sekarang,

tempat itu belum bersedia menerima kehadiran pengunjung yang mahu datang ke lokasi itu untuk melihat matahari terbit.

Tempat itu perlu mempunyai kemudahan lampu jalan bermula dari laluan masuk sehingga ke titik matahari terbit sejauh hampir satu kilometer. Dengan adanya lampu, perjalanan seawal pagi menjadi terang dan tanda-tanda keselamatan dapat dilihat dengan jelas.



LOKASI tepat jeti British di tapak ini perlu ditandakan.